

Pemansuhan cukai jalan motosikal bawah 150cc mula berkuat kuasa

UM 14 SEP 2003
Oleh WAN NAJIB WAN DAUD
dan AZIMI MUSTAPHA

CYBERJAYA 13 Sept. — Pemansuhan cukai jalan motosikal di bawah 150cc berkuat kuasa mulai hari ini dan ia memberi manfaat kepada kira-kira 5.6 juta daripada tujuh juta pemilik motosikal di seluruh negara.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengembalikan wang kepada pemilik motosikal terbabit jika telah membayar cukai jalan bagi tempoh pengecualian cukai jalan itu dikuatkuasakan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy berkata, pemansuhan cukai jalan mulai hari ini akan menyebabkan kerajaan mengalami kekurangan hasil sebanyak RM177.7 juta setahun.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, perlindungan insurans masih lagi diwajibkan ke atas pengguna motosikal bagi melindungi diri mereka daripada kemalangan.

“Kami ingin mengingatkan semua pengguna motosikal di Malaysia bahawa perlindungan insurans adalah wajib ke atas setiap motosikal yang berdaftar dengan JPJ.

“Setiap penunggang motosikal di negara ini, sekurang-kurangnya haruslah memiliki perlindungan insurans pihak ketiga jika menggunakan motosikal,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pecah tanah Ibu Pejabat BMW Malaysia di sini hari ini.

Kong Choy mengulas pemansuhan cukai jalan motosikal berkuasa di bawah 150cc seperti diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika pembentangan Bajet 2004 di Dewan Rakyat semalam.

■ Lihat muka 4

Pemansuhan cukai jalan motosikal bawah 150cc mula berkuat kuasa

Sebelum ini para pemilik motosikal berkuasa rendah telah dikenakan cukai jalan mengikut kuasa enjin iaitu bawah 75cc (RM50), 76-100cc (RM55) dan 101-150cc (RM65) bagi Semenanjung.

Di Sarawak, cukai jalan yang dikenakan sebelum ini ialah bawah 100cc (RM12) dan 101-150cc (RM24) setahun manakala di Sabah, cukai jalan bagi semua motosikal ialah RM50 setahun.

“Dengan pemansuhan cukai jalan itu, kami menjangka bilangan motosikal yang bergerak di atas jalan raya akan bertambah sekali gus memungkinan pertambahan bilangan kemalangan.

“Untuk mengatasinya, kementerianannya dan JPJ akan mengadakan lebih banyak kempen keselamatan terutamanya terhadap penunggang motosikal di negara ini,” katanya.

Di Pulau Pinang, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Emran Kadir memberitahu jumlah 5.6 juta pemilik motosikal berkuasa rendah di bawah 150cc itu merupakan 80 peratus daripada 7 juta pemilik motosikal di seluruh negara.

Berdaftar

“Jumlah motosikal yang berdaftar adalah sebanyak 7 juta dan sebanyak 80 peratus daripadanya adalah yang berkuasa rendah bawah 150cc yang bakal menikmati pengecualian cukai jalan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Anugerah Khidmat Cemerlang Zon Utara di Bukit Mertajam, hari ini.

Menurut beliau, JPJ akan melaksanakan pengecualian cukai jalan itu sebaik sahaja menerima arahan daripada kerajaan.

“Mereka yang termasuk dalam kategori dikecualikan cukai jalan itu boleh menuntut semula wang mereka di pejabat-pejabat JPJ, jika telah membuat pembayaran dalam tempoh pengecualian cukai mula dilaksanakan,” katanya. Ia termasuklah golongan orang kurang upaya yang memiliki kereta, van dan motosikal buatan tempatan yang dikecualikan cukai jalan.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menggesa kakitangan JPJ sentiasa peka dengan perubahan dan kehendak pengguna bagi memastikan mutu perkhidmatan jabatan itu terus unggul.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 91 kakitangan JPJ dari Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.